

06/06/1997

Kuasai ilmu sains untuk kembalikan peradaban Islam

Faizal Fadzil

PERBINCANGAN mengenai masa depan umat Islam sering membangkitkan persepsi yang berbeza di kalangan cerdik pandai, bergantung kepada hadirin di hadapan mereka. Apabila sarjana dan ulama dijemput membicarakan persoalan dan masalah ummah Islam khususnya mengenai belia di hadapan ibu bapa atau masyarakat umum, biasanya permasalahan gejala sosial jarang tidak disentuh penceramah.

Masa depan generasi muda Islam kerap digambarkan secara negatif dan dikhuatiri menjadi santapan dan mangsa penjajahan pemikiran dan budaya Barat.

Sebaliknya, apabila tokoh ulama diundang berkongsi buah fikirannya di hadapan sekumpulan belia yang menyertai gerakan atau pertubuhan yang mendokong perjuangan Islam, gambaran masa depan Islam yang gemilang sering dilontarkan.

Pelajar yang menyertai muktamar atau ceramah sering mendengar pembicara mengungkapkan masa depan yang gemilang bagi Islam berikutan keghairahan umat Islam khususnya generasi muda yang kembali menjunjung kepentingan agama.

Pendokong gerakan Islam di kalangan pelajar Malaysia di luar negara misalnya, disogok dengan ucapan bersemangat bahawa Malaysia adalah ladang yang paling subur untuk menyemai benih Islam dalam usaha mengukuhkan pegangan agama di kalangan masyarakat yang semakin sedar.

Barat pula digambarkan semakin khuatir dengan kebangkitan Islam yang mendadak sehingga ada media Barat yang menganggap Islam kini menjadi ancaman kepada tamadun Barat setelah keruntuhan komunis.

Bagaimanapun, ada pemimpin dan pemikir yang memberi gambaran alternatif mengenai masa depan Islam.

Misalnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapannya di Seminar Tamadun Islam dan Kerjasama Sejagat anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) baru-baru ini menjelaskan, abad ke-21 bukan abad milik Islam.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak Islam akan menguasai abad itu jika umat Islam berusaha bersungguh-sungguh mengukuhkan keupayaan mereka dalam semua bidang khususnya ekonomi, teknologi dan pengetahuan.

Kata-kata Dr Mahathir itu menunjukkan beliau tidak memperlekeh masa depan generasi muda dan tidak juga memperlihatkan 'keyakinan yang melebihi batasan' mengenai kekuatan umat Islam pada masa depan.

Seorang lagi Sarjana Islam daripada Amerika Syarikat, Prof Dr Seyyed Hossein Nasr, juga memiliki pandangan tersendiri mengenai umat Islam masa kini dan potensinya di masa depan.

Dalam syarahan umum di Universiti Malaya anjuran Pusat Peradaban universiti itu, Dr Seyyed Hossein, tanpa berlapik, menyifatkan umat Islam masa kini sebagai patung yang terpaksa mengikut telunjuk peradaban Barat yang menguasai pemikiran, pemerintahan dan agenda dunia antarabangsa.

Pandangan Dr Seyyed Hossein itu menepati sabda Rasulullah yang melahirkan visi bahawa umat Islam pada akhir zaman diumpamakan seperti buih di lautan. Meskipun bilangannya ramai tetapi tidak kuat kerana mudah berpecah apabila dilanda ombak dan sentiasa terapung-apung, tanpa tujuan, tanpa pedoman.

Oleh itu, Dr Seyyed Hossein mengingatkan umat Islam supaya mempersiapkan diri dalam menentukan agenda bagi seluruh ummah dalam usaha mengembalikan semula kegemilangan peradaban Islam di seluruh dunia.

"Dalam setiap peradaban dunia, Islam tidak pernah diketepikan. Dalam peradaban China misalnya, ia tidak boleh menyetepikan berjuta-juta bangsa China yang menganut agama Islam. Begitu juga dalam peradaban Barat," katanya.

Oleh itu, katanya, jika peradaban Islam yang mempunyai pengaruh yang besar sehingga mempunyai kesan dalam mana-mana peradaban di dunia baik Barat atau Timur, umat Islam sewajarnya berusaha untuk meningkatkan peradaban Islam yang jelas diterima semua pihak, sekali gus membolehkan agenda Islam sendiri yang menjadi pegangan ummah.

Dr Seyyed Hossein tidak hanya membiarkan rakyat Malaysia terkapai-kapai mencari jalan ke arah mencapai matlamat itu. Antara tindakan yang beliau cadangkan ialah penguasaan dalam bidang ilmu yang menjadi tonggak dalam perjuangan ummah mengembalikan kegemilangan Islam.

"Tingkat ilmu tertinggi dalam Islam ialah pengetahuan mengenai Allah," katanya dalam satu syarahan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Ilmu mengenai Allah akan mengukuhkan keimanan umat Islam terhadap kebesaran, keagungan dan kekuasaan Allah. Faktor itu akan menjadi penggerak hati ummah di seluruh dunia bahawa Islam mampu menguasai dunia jika Allah menghendakinya.

Dalam usaha umat Islam menguasai ilmu seperti teknologi dan saintifik sebagai satu usaha untuk mengembalikan kegemilangan peradaban Islam, Dr Seyyed turut mendedahkan kelemahan ummah yang terlalu dikuasai pemikiran Barat yang kini menjadi penguasa teknologi dan ilmu sains.

"Kenapa kita lihat tiada umat Islam kini yang menjadi terkenal kerana kemampuannya dalam bidang sains? Ini kerana saintis Islam lebih cenderung mencedok ilmu sains yang diperkenalkan Barat tanpa berusaha untuk meneroka bidang itu mengikut acuan Islam sendiri," katanya.

Beliau mencadangkan umat Islam supaya mewujudkan pelbagai institusi kecil yang mengandungi antara 10-12 pakar dalam bidang masing-masing kerana langkah itu lebih berkesan melahirkan cerdik pandai yang lebih berkualiti, tanpa mengabaikan sistem pendidikan umum.

"Institusi kecil mengandungi cerdik pandai ini bermatlamat untuk melahirkan sekelompok graduan yang berkualiti.

"Graduan ini kemudiannya akan menubuhkan institusi kecil yang serupa dalam usaha melahirkan lebih ramai graduan yang berkualiti.

"Pendekatan ini akan melahirkan lebih ramai graduan yang berkualiti yang lebih baik daripada graduan yang terlalu ramai tetapi kurang berkualiti," katanya.

Dr Seyyed Hossein menjelaskan, institusi kecil seumpama itu harus dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan bagi mengelakkan gangguan terhadap tumpuan untuk meningkatkan penguasaan ilmu di kalangan umat Islam.

Saranan Dr Seyyed itu sebenarnya memang sedang dilaksanakan oleh gerakan Islam yang wujud pada masa kini.

Ramai pelajar Islam yang mengambil pelbagai jurusan dalam bidang sains dan teknologi contohnya mampu menguasai kefahaman mengenai Islam secara jitu tanpa melalui pendidikan agama secara formal.

Sebaliknya pelajar Islam menggunakan sistem usrah, satu amalan lumrah di kalangan pendokong Islam bagi meningkatkan pengetahuan mengenai Islam dan mengamalkan tuntutan agama secara berjamaah yang lebih berkesan mendidik jiwa manusia.

Saranan Dr Seyyed Hossein itu sewajarnya dipertimbangkan oleh pihak berwajib selaras dengan hasrat Perdana Menteri yang mahukan setiap negara Islam berusaha mengukuhkan pegangan Islam di negara masing-masing dalam persiapan menghadapi abad ke-21.

Jika setiap pemimpin kerajaan Islam berusaha mengukuhkan kedudukan Islam di negara masing-masing mengikut acuan dan pendekatan yang tepat, sudah tentu Allah akan memberi petunjuk kepada masyarakat negara itu untuk

memaju dan mengukuhkan negara masing-masing.

Kekuatan dan penguasaan umat Islam dalam pelbagai bidang khususnya agama, teknologi, ekonomi, budaya dan politik dunia menjadi prasyarat yang penting bagi melayakkan umat Islam menentukan agenda mereka sendiri pada masa hadapan.

(END)